

PM bimbang kadar muflis belia

Kerajaan kaji semula undang-undang kebangkrutan bantu anak muda keluar daripada krisis kewangan

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan kebimbangan terhadap kadar peningkatan jumlah kes muflis melibatkan golongan belia.

Susulan itu, katanya, kerajaan akan mengkaji semula undang-undang berkaitan kebangkrutan dalam usaha membantu golongan muda yang berdepan dengan masalah itu.

Perdana Menteri berkata, beliau akan berbincang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus berhubung masalah tersebut.

"Kerajaan pernah menaikkan nilai ambang kebangkrutan (daripada RM50,000 kepada RM100,000). Kita pernah tangguhkan tindakan undang-

undang melibatkan kebangkrutan pada tahun 2020 semasa pandemik.

"Percayalah masa depan anak muda jadi agenda utama," katanya sewaktu merasmikan penutupan Karnival Kerjaya Pemuda Barisan Nasional (BN) 2022 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini pada Ahad.

Ismail Sabri berkata, fasa Peralihan ke Endemik bermula 1 April lepas menjadi titik tolak kepada pemulihan ekonomi negara yang kini berada pada momentum yang baik, sekali gus menurunkan kadar pengangguran.

Beliau berkata, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sehingga April lalu, kadar pengangguran negara berjaya diturunkan kepada 3.9 peratus, berbanding 4.6 peratus bagi tempoh sama tahun lepas.

"Ini merupakan kali pertama kadar pengangguran menurun di bawah empat peratus sejak pandemik Covid-19 dengan bilangan penganggur kekal pada trend menurun bagi sembilan bulan berturut-turut," katanya.

Katanya, pandemik Covid-19 telah mengubah landskap pekerjaan negara dengan kadar pengangguran pada 2020 dan 2021 berada di tahap yang tertinggi iaitu pada kadar 4.5 peratus dan 4.6 peratus berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di



Ismail Sabri bergambar bersama penerima surat tawaran kerja di ruang pameran selepas Majlis Perasmian Penutupan Karnival Kerjaya BN Youth Job Fair di WTCKL pada Ahad.

seluruh negara.

Kata beliau lagi, penutupan beberapa sektor ekonomi menjadikan kadar pengangguran negara meningkat sehingga 5.3 peratus pada Mei 2020 iaitu kadar pengangguran bulanan yang tertinggi pernah dicatatkan.

Justeru, kerajaan melaksanakan karnival kerjaya sejak Oktober 2021 sebagai sokongan menjamin kelangsungan Keluarga Malaysia memiliki kehidupan yang baik.

"Pada tahun ini sahaja,

kerajaan menyasarkan peluang pekerjaan sehingga 600,000 dengan peruntukan sebanyak RM4.8 bilion melalui inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, mengikut Laporan Tenaga Buruh Malaysia dan DOSM, seramai 2,750 graduan berjaya ditempatkan melalui Program Peningkatan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT-CAP).

Selain itu, seramai 2,479 belia ditempatkan melalui Insentif

Pekerjaan Jamin Kerja khusus untuk perantis melalui Skim Perantisan Nasional (SPN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan, dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Sumber Manusia serta agensi di bawahnya.

"Sehingga 8 Mei lepas, MyDigitalWorkforce Work in Tech (MYWIT) berjaya menempatkan seramai 649 peserta daripada 3,596 pemohon termasuk belia dalam pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital. - Bernama